

**PEMBANGUNAN SUKATAN PELAJARAN GAMELAN MELAYU  
BERDASARKAN KERANGKA SISTEM  
PEPERIKSAAN MUZIK BERGRED  
ANTARABANGSA**

**SITI NURAISHAH BINTI AB JALIL**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MUZIK)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2016**

## ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk membangunkan sebuah sukanan pelajaran Gamelan Melayu berdasarkan kerangka sistem peperiksaan muzik bergred antarabangsa. Pendekatan kualitatif telah digunakan untuk melaksanakan kajian ini. Terdapat dua kaedah pengumpulan data yang digunakan iaitu dokumentasi dan temubual. Kaedah dokumentasi melibatkan sumber literatur yang berkaitan dengan tradisi Gamelan Melayu, sibus peperiksaan muzik berkumpulan badan peperiksaan muzik bergred dan sukanan pelajaran Gamelan Melayu di Institusi Pengajian Tinggi. Temubual telah dijalankan ke atas tiga orang informan yang merupakan tokoh, ahli akademik dan penggiat seni muzik Gamelan Melayu. Hasil daripada analisis data, terbentuk sebuah sukanan pelajaran Gamelan Melayu bergred yang mempunyai tiga peringkat iaitu peringkat awal (gred 1 dan gred 2), peringkat pertengahan (gred 3 & gred 4) dan peringkat atas (gred 5 & gred 6). Sukanan pelajaran yang dibangunkan terdiri daripada empat aspek utama iaitu gred, pengetahuan, kemahiran dan repertoire. Penilaian terhadap sukanan pelajaran yang dibangunkan telah diperoleh daripada seorang pakar. Penambahbaikan telah dilakukan terhadap draf sukanan pelajaran yang dibangunkan berdasarkan kepada komen dan maklum balas pakar. Sukanan pelajaran yang dibangunkan boleh dijadikan panduan bagi guru-guru dan tenaga pengajar untuk mengajar Gamelan Melayu secara terancang dan tersusun mengikut tahap-tahap tertentu. Hasil kajian ini dapat menjadi rujukan kepada usaha menubuhkan dan melaksanakan satu sistem peperiksaan muzik bergred Malaysia bagi meningkatkan standard muzik tradisional Melayu.



05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my


Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## DEVELOPMENT OF A MALAY GAMELAN SYLLABUS BASED ON THE INTERNATIONAL GRADED MUSIC EXAMINATION FRAMEWORK

### ABSTRACT

The aim of this research is to develop a syllabus for Malay gamelan based on the international graded music examination system framework. Qualitative approach has been used in undertaking this research. Two methods of data collection were used, namely documentation and interview. Documentation method involved literatures related to Malay Gamelan tradition, music ensemble examination syllabus of international graded music examination boards and Malay Gamelan syllabus of higher learning institutions. Interviews were conducted on three informants who were gamelan figures, academicians and practitioners. From the data analysis, a Malay Gamelan syllabus was formed comprising of three levels namely early stage (grade 1 and grade 2), intermediate stage (grade 3 and grade 4) and upper stage (grade 5 and grade 6). The developed syllabus comprised of four main aspects namely grades, knowledge, skills and repertoire. Assessment of the developed syllabus was obtained from an expert. Improvement was done on the developed syllabus based on the comments and feedbacks provided by the expert. The developed syllabus can be used as a guide for teachers and trainers to teach Malay Gamelan in a more structured and organized manner according to specific levels. The findings of this research can be a source of reference to the effort of establishing and implementing a Malaysian graded music examination system in improving the standard of Malay traditional music.

## SENARAI KANDUNGAN

### **Muka surat**

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar belakang kajian	3
1.2 Permasalahan kajian	4
1.3 Tujuan kajian	5
1.4 Objektif kajian	5
1.5 Persoalan kajian	6
1.5.1 Persoalan umum	6
1.5.2 Persoalan khusus	6
1.6 Kepentingan kajian	7
1.7 Batasan kajian	7
1.8 Definisi istilah	8
1.8.1 Sukatan pelajaran	8
1.8.2 Gamelan Melayu	9
1.8.3 Peperiksaan bergred	9



1.8.4	Idiosinkratik	10
1.8.5	<i>Fission melody</i>	10
1.9	Penutup	11

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pendahuluan	12
2.1	Badan peperiksaan muzik bergred antarabangsa	14
2.1.1	The Associated Board of the Royal Schools of Music (ABRSM)	15
2.1.2	Trinity College London (TCL)	17
2.1.3	Australian Music Examination Board (AMEB)	19
2.1.4	Central Conservatory of Music (CCOM)	20
2.1.5	Suro Bharati Sangget Kala Kendra	23
2.1.6	Irish & Scottish Traditionnal Music	25
2.2	Pengajaran dan pembelajaran muzik tradisional	30
2.2.1	Jenis-jenis pembelajaran	30
2.2.2	Pengajaran dan pembelajaran muzik tradisional dalam institusi formal	33
2.2.3	Rumusan	36
2.3	Model Pembangunan Kurikulum	36
2.3.1	Model Kurikulum Tyler (1949)	38
2.3.2	Model Kurikulum Taba (1945)	42
2.3.3	<i>Model of Assessing Malaysian Traditional Music Performance</i>	44
2.3.4	Rumusan	47
2.4	Gamelan	47
2.4.1	Jenis-jenis gamelan di Malaysia	48
2.4.2	Asal usul gamelan di Malaysia	49
2.4.3	Alat-alat muzik Gamelan Melayu	52
2.5	Penutup	56



## BAB 3 METODOLOGI

3.0	Pendahuluan	58
3.1	Reka bentuk kajian	59
3.2	Kaedah pengumpulan data	62
3.3	Informan	63
3.4	Prosedur temu bual	64
3.5	Kesahan dan kebolehpercayaan	65
3.6	Analisis data	66
3.7	Penutup	68

## BAB 4 DAPATAN DATA

4.0	Pendahuluan	69
4.1	Analisis sukatan pelajaran Gamelan Melayu	71
4.1.1	Konstruk objektif kursus	72
4.1.2	Konstruk hasil pembelajaran	73
4.1.3	Konstruk pengajaran pembelajaran/ strategi penilaian	74
4.1.4	Konstruk mod penyampaian	75
4.1.5	Konstruk kaedah penilaian/penilaian kursus	76
4.1.6	Konstruk pemetaan kursus/modul bagi program hasil pembelajaran	77
4.1.7	Konstruk garis kandungan kursus/ modul dan SLT setiap topik	79
4.2	Analisis dokumen silibus peperiksaan muzik bergred berkumpulan	86
4.2.1	Konstruk alat muzik	86
4.2.2	Konstruk tahap	87
4.2.3	Konstruk peperiksaan	88
4.2.4	Konsruk repertoire	89
4.3	Dapatan daripada temu bual	91
4.3.1	Latar belakang informan dalam bidang	91

## Gamelan Melayu

4.3.2	Kandungan sukatan pelajaran Gamelan Melayu dari aspek pengetahuan	93
4.3.3	Kandungan sukatan pelajaran Gamelan Melayu dari aspek kemahiran	94
4.3.4	Repertoir yang perlu dipelajari	96
4.3.5	Cadangan gred atau peringkat	98
4.4	Penutup	99

## **BAB 5 SUKATAN PELAJARAN GAMELAN MELAYU BERDASARKAN KERANGKA SISTEM PEPERIKSAAN MUZIK BERGRED ANTARABANGSA**

5.0	Pendahuluan	100
5.1	Dapatan soalan khusus pertama	105
5.1.1	Latar belakang atau sejarah	105
5.1.2	Pengenalan alat	106
5.1.3	Notasi	107
5.1.4	Asas teori muzik	108
5.1.5	Skel	109
5.1.6	Istilah	109
5.1.7	Konsep gongan	110
5.1.8	Repertoir	111
5.1.9	Disiplin permainan	112
5.1.10	Konsep Gamelan Melayu	113
5.1.11	Gaya persembahan	113
5.2	Dapatan soalan khusus kedua	114
5.2.1	Teknik permainan	114
5.2.2	Corak irama gendang	117
5.2.3	Permainan cincang	118
5.2.4	Formaliti	119
5.2.5	Memainkan semua alat muzik	119

5.3	Dapatkan soalan khusus ketiga	121
5.3.1	Gred 1	122
5.3.1.1	Pengetahuan	122
5.3.1.2	Kemahiran	123
5.3.1.3	Repertoir	124
5.3.2	Gred 2	125
5.3.2.1	Pengetahuan	125
5.3.2.2	Kemahiran	127
5.3.2.3	Repertoir	128
5.3.3	Gred 3	128
5.3.3.1	Pengetahuan	128
5.3.3.2	Kemahiran	129
5.3.3.3	Repertoir	130
5.3.4	Gred 4	131
5.3.4.1	Pengetahuan	131
5.3.4.2	Kemahiran	132
5.3.4.3	Repertoir	133
5.3.5	Gred 5	133
5.3.5.1	Pengetahuan	133
5.3.5.2	Kemahiran	134
5.3.5.3	Repertoir	134
5.3.6	Gred 6	135
5.3.6.1	Pengetahuan	135
5.3.6.2	Kemahiran	135
5.3.6.3	Repertoir	136
5.4	Penutup	137

## BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.0	Pendahuluan	138
6.1	Kesimpulan	139
6.2	Cadangan	142

6.3 Penutup 143

**RUJUKAN** 144

**LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
2.1 Tahap kelayakan dan gred yang ditetapkan mengikut umur	27
2.2 Umur yang disarankan untuk peringkat persembahan diploma	28
2.3 Komponen dalam Model Kurikulum Taba	43
4.1 Perbandingan objektif kursus	72
4.2 Perbandingan hasil pembelajaran	73
4.3 Perbandingan pengajaran pembelajaran / strategi penilaian	75
4.4 Perbandingan mod penyampaian	76
4.5 Perbandingan kaedah penilaian / penilaian kursus	77
4.6 Perbandingan pemetaan kursus / modul bagi program hasil pembelajaran	78
4.7 Perbandingan garis kandungan / modul dan SLT setiap subjek	80
4.8 Perbandingan konstruk alat muzik yang terlibat	87
4.9 Perbandingan konsruk tahap	88
4.10 Perbandingan konstruk peperiksaan	89
4.11 Perbandingan konstruk repertoire	90

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
-----------	------------

2.1	Sistem gred bagi tahap peperiksaan dan diploma Kendra	24
2.2	Penyusunan kandungan kurikulum mengikut Model Kurikulum Tyler	40
2.3	Penyusunan kandungan kurikulum secara vertical	41
2.4	Penyusunan kandungan kurikulum secara horizontal	41
2.5	<i>Model of Assessing Malaysian Traditional Music Performance</i>	46
3.1	Prosedur menjalankan kajian	60

5.1	Sukatan pelajaran <i>Gamelan Skills 1</i> di UIAM – Sejarah asas Gamelan Melayu	106
5.2	Sukatan pelajaran <i>Gamelan Skills 1</i> di UIAM – Notasi	108
5.3	Sukatan Pelajaran Caklempong dan Gamelan di UPSI – Teknik asas permainan	115
5.4	Sukatan pelajaran <i>Gamelan Skills 1</i> di UIAM – Bunga lagu	116
5.5	Sukatan pelajaran Ensemel Major 1 (Muzik Gamelan) di ASWARA – Main semua alat	120
5.6	Sukatan pelajaran Caklempong dan Gamelan di UPSI – Main semua alat	120
5.7	Sukatan pelajaran <i>Gamelan Skills 1</i> di UIAM – Istilah	129
5.8	Keratan lagu Togok – <i>fission melody</i>	130
5.9	Keratan lagu Togok – melodi berbunga	132
5.10	Sukatan pelajaran <i>Gamelan Skills 1</i> di UIAM – Teknik permainan keromong	136

## SENARAI LAMPIRAN

- A Panduan soalan temu bual
- B Transkripsi temu bual
- C Sukatan Pelajaran Ensemel Major 1 (Muzik Gamelan) di ASWARA
- D Sukatan Pelajaran Caklempong Dan Gamelan di UPSI
- E Sukatan Pelajaran *Gamelan Skills 1* di UIAM
- F Perbandingan Silibus antara ABRSM, TCL, Irish & Scottish Traditional Music dan Rockschool
- G Notasi lagu Gamelan Melayu
- H Draf sukatan pelajaran Gamelan Melayu yang dibina
- I Jadual Sukatan Pelajaran Gamelan Melayu Berdasarkan Kerangka Sistem Peperiksaan Muzik Bergred Antarabangsa

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pendahuluan

Semenjak 150 tahun lepas, beberapa badan atau organisasi telah mula mengambil langkah untuk mewujudkan peperiksaan muzik bergred. Badan peperiksaan muzik bergred terawal ditubuhkan adalah Trinity College London (TCL) iaitu pada tahun 1877. Rentetan daripada sambutan yang menggalakkan, terdapat badan lain juga ditubuhkan antaranya adalah Associated Board of Royal School of Music (ABRSM), Yamaha Music Foundation dan Australian Music Examination Board (AMEB). Setiap badan peperiksaan muzik bergred, mempunyai sukanan pelajaran muzik bergrednya yang tersendiri. Sukanan pelajaran ini penting kepada tenaga pengajar untuk dijadikan garis panduan pengajaran dan pembelajaran. Sukanan pelajaran juga berkait rapat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

dengan peperiksaan penilaian kerana perkara yang dipelajari dalam sukan pelajaran akan dinilai melalui peperiksaan mengikut tahap-tahap tertentu.

Matlamat utama peperiksaan muzik bergred ini adalah untuk memberi peperiksaan dan pembelajaran yang berkualiti mengikut tahap bersesuaian. Peperiksaan muzik bergred ini juga bertujuan untuk mengukur progres pembelajaran pelajar terbabit. Pengukuran ini bukan sahaja melibatkan pelajar, tetapi ia juga mengukur mutu pengajaran guru dan badan terlibat. Di United Kingdom, peperiksaan muzik bergred dijadikan sebagai saluran kelayakan untuk mempelajari bidang muzik ke tahap yang lebih tinggi (Music: Practice & Theory, 2015).

Statistik menunjukkan sebanyak 650,000 calon di 93 buah negara setiap tahun menduduki peperiksaan di bawah ABRSM (ABRSM, 2015). Manakala Trinity College



05

London (TCL) pula, mencatatkan setiap tahun terdapat lebih daripada 600,000 calon di 60 buah negara yang mengambil peperiksaan di bawah naungan mereka (ANUA Music School, 2015). Angka ini menunjukkan bahawa semakin ramai yang mempercayai dengan pengiktirafan yang diberikan oleh badan-badan peperiksaan ini terutamanya dalam bidang muzik. Begitu juga keadaannya di Malaysia dimana ia merupakan salah sebuah negara yang mempunyai calon peperiksaan teramai bagi peperiksaan ABRSM. Kesannya ialah masyarakat Malaysia lebih cenderung untuk mempelajari muzik barat dan seolah-olah mengenepikan pembelajaran tradisional tempatan dalam konteks pembelajaran muzik secara serius. Perkara ini terjadi kerana tiadanya peperiksaan muzik bergred bagi alat muzik tradisional tempatan sekaligus ia menenggelamkan minat masyarakat terhadap muzik tradisi ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Pada masa kini, terdapat pelbagai pihak sama ada badan kerajaan maupun badan swasta yang mengambil inisiatif untuk mengekalkan tradisi permainan alat muzik tradisional Melayu khususnya bagi tradisi Gamelan Melayu. Salah satu inisiatif yang dijalankan adalah dengan mengadakan kelas permainan alat muzik tersebut. Sudah terdapat banyak kelas permainan Gamelan Melayu yang ditubuhkan untuk memenuhi keperluan pekerja sebagai aktiviti sihat di tempat kerja. Terdapat sesetengah syarikat turut menu buhkan kumpulan gamelan mereka sendiri bagi membuat sebarang persembahan gamelan. Selain badan kerajaan dan badan swasta, pihak sekolah dan institusi juga mengambil bahagian dengan memberi peluang kepada para pelajarnya



05-4506832



untuk belajar permainan tradisi Gamelan Melayu melalui subjek yang ditawarkan dalam kurikulum ataupun kokurikulum. Menurut Razmah Bashri (2012), Pendidikan Muzik telah dijadikan matapelajaran wajib di sekolah rendah dan aktiviti-aktiviti muzik yang diajar adalah seperti pasukan kompong, pasukan koir, gamelan, caklempong, pancaragam, orkestra bertali dan lain-lain. Ini adalah usaha yang baik supaya masyarakat lebih mengenali alat muzik tradisional Melayu dengan lebih mendalam dan seterusnya dapat meneruskan permainan tradisi Gamelan Melayu. Namun demikian, tiada satu bentuk pensijilan yang standard untuk memberi pengiktirafan kepada penggiat yang terlibat dalam permainan tradisi Gamelan Melayu ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.2 Permasalahan Kajian

Tidak dinafikan, kandungan sukatan pelajaran muzik di sekolah-sekolah awam di Malaysia mempunyai pengaruh daripada sukatan ABRSM yang menekankan pengajaran asas-asas teori muzik barat, notasi dan repertoire dari muzik barat. Hal ini terjadi berikutan anggota jawatankuasa kurikulum yang terlibat dalam membentuk sukatan pelajaran pendidikan muzik terdiri di kalangan mereka yang berlatar belakangkan ABRSM (Johami Abdullah, 2010).

Kini, ABRSM dan TCL sudah mememonopoli bidang ini dengan meluaskan lagi penggunaan sukatan pelajaran mengikut sistem peperiksaan muzik bergred mereka sendiri terutamanya bagi alat muzik barat. Situasi sebaliknya terjadi terhadap alat muzik tradisional dimana sehingga sekarang masih tiada lagi sebuah sukanan pelajaran yang berdasarkan kepada kerangka sistem peperiksaan muzik bergred. Menurut Ghous Nasuruddin (1979), keadaan ini memang membimbangkan dan jika dibiarkan berpanjangan boleh menjelaskan masa depan muzik tradisional Malaysia sebagai sebahagian identiti budaya negara.

Kelemahan ketara adalah sukanan pelajaran bagi alat muzik tradisional yang sedia ada, tidak diselaras berdasarkan kerangka sistem peperiksaan muzik bergred antarabangsa. Perkara ini boleh diselaraskan sekiranya terdapat sebuah sukanan pelajaran diguna oleh semua peringkat umur dan adanya kerjasama dengan pelbagai pihak terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia. Kelemahan ini perlu diatasi segera agar permasalahan seperti tiada struktur penilaian muzikal untuk pemain tradisional, tiada mekanisma untuk dijadikan penanda aras bagi pencapaian muzikal





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

untuk pemain muzik tradisional dan masalah menggunakan kesenian muzik barat sebagai cara mempromosikan muzik tempatan (Zaharul Lailiddin Saidon dan Shahanum Mohd Shah, 2015) tidak berlaku lagi. Oleh itu, hasil daripada kajian ini pengkaji telah membina sebuah sukatan pelajaran Gamelan Melayu berdasarkan kerangka sistem peperiksaan muzik bergred antarabangsa sebagai panduan kepada masyarakat yang ingin memartabatkan kesenian negara.

### **1.3 Tujuan Kajian**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan sukatan pelajaran Gamelan Melayu berdasarkan kerangka sistem peperiksaan muzik bergred antarabangsa.

### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti kandungan sukatan pelajaran Gamelan Melayu berdasarkan kerangka sistem peperiksaan muzik bergred dari aspek pengetahuan.
2. Mengenal pasti kandungan sukatan pelajaran Gamelan Melayu berdasarkan kerangka sistem peperiksaan muzik bergred dari aspek kemahiran.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

3. Menstruktur kandungan pembelajaran Gamelan Melayu berdasarkan kerangka sistem peperiksaan muzik bergred antarabangsa.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan kepada tujuan dan objektif yang dinyatakan di atas, persoalan kajian yang telah dijawab terbahagi kepada dua bahagian iaitu persoalan umum dan persoalan khusus.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

### **1.5.1 Persoalan Umum**

Bagaimanakah bentuk sukatan pelajaran tradisi muzik Gamelan Melayu berdasarkan kerangka sistem peperiksaan muzik bergred antarabangsa?

### **1.5.2 Persoalan Khusus**

Secara spesifiknya, kajian ini menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah kandungan sukatan pelajaran Gamelan Melayu yang perlu dipelajari dari aspek pengetahuan?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

2. Apakah kandungan sukatan pelajaran Gamelan Melayu yang perlu dipelajari dari aspek kemahiran?
3. Bagaimanakah struktur kandungan pembelajaran Gamelan Melayu disusun berdasarkan kerangka sistem peperiksaan muzik bergred antarabangsa?

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Sukatan pelajaran yang dibina ini boleh dijadikan panduan bagi guru-guru dan tenaga pengajar untuk mengajar Gamelan Melayu. Selain itu, ia boleh diguna pakai oleh



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi yang terdapat di Malaysia. Hasil daripada dapatan kajian ini juga turut membantu usaha untuk membangunkan sebuah sistem peperiksaan muzik bergred dan seterusnya memberi satu bentuk pensijilan kepada penggiat tradisional khususnya Gamelan Melayu.

## **1.7 Batasan Kajian**

Batasan kajian merujuk kepada kemungkinan wujudnya kelemahan kajian yang berada diluar kawalan anda (Simon, 2011). Ia melibatkan parameter dalam metodologi kajian seperti pemilihan sampel bukan rawak, saiz sampel yang kecil, kesan varibel luaran



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

atau variabel moderator yang dikenalpasti mungkin memberi kesan kepada kajian. Oleh kerana kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk membangunkan sukatan pelajaran Gamelan Melayu berdasarkan kerangka sistem peperiksaan muzik bergred antarabangsa maka, batasan kajian hanya bertumpu kepada Gamelan Melayu sebagai bahan kajian. Selain itu, batasan kajian hanyalah menggunakan kaedah temu bual dan kajian perpustakaan sebagai kaedah untuk memungut data. Pengkaji juga menemu bual tiga orang informan yang terdiri daripada tokoh-tokoh, ahli akademik dan penggiat seni muzik Gamelan Melayu. Batasan kajian dari aspek tempat pula adalah hanya sekitar Lembah Klang di mana kajian perpustakaan dan informan boleh ditemui di kawasan yang menjadi pusat perkembangan kesenian ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 1.8 Definisi Istilah

### 1.8.1 Sukatan Pelajaran

Sukatan pelajaran adalah rancangan pelajaran yang berkaitan dengan suatu mata pelajaran tertentu. Biasanya, ia mengandungi objektif khusus, unit pembelajaran dan kemahiran yang disusun mengikut tahap, darjah atau tingkatan (Mok Soon Sang, 2010). Menurut Tan Chee Yee (1988) dalam artikel “Sukatan Pelajaran dan Peranannya” pula, sukatan pelajaran merupakan sebuah dokumen utama dan rasmi yang menerangkan perancangan pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran. Sukatan pelajaran



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

sekolah kerajaan di Malaysia ditentukan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Bahagian inilah yang menentu, merancang, mengarah dan menilai sukan pelajaran dari semasa ke semasa. Untuk tujuan kajian ini, sukan pelajaran bagi Gamelan Melayu bermaksud sebuah perancangan pengajaran dan pembelajaran Gamelan Melayu yang disusun mengikut tahap-tahap tertentu.

### **1.8.2 Gamelan Melayu**

Menurut The New Groove Dictionary of Music and Musicians, ‘gamelan’ adalah istilah umum yang digunakan untuk merujuk kepada pelbagai jenis orkestra Indonesia. Di Malaysia, istilah gamelan merujuk kepada Gamelan Melayu iaitu sebuah ensemble muzik tradisional yang diperbuat daripada gangsa. Gamelan Melayu mempunyai 8 buah alat iaitu keromong, gambang kayu, saron peking, saron baron, saron demung, kenong (5 biji cembul), gendang gamelan dan gong (gong agung dan gong suwukan).

### **1.8.3 Peperiksaan Bergred**

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, ‘peperiksaan’ bermaksud ujian yang diadakan untuk menilai pengetahuan (kebolehan dan lain-lain) seseorang. Manakala perkataan ‘gred’ pula bermaksud peringkat atau darjah sesuatu nilai. Oleh itu, ‘peperiksaan bergred’ mengikut kajian ini membawa maksud sebuah ujian yang diberi kepada calon



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

untuk dinilai dari aspek praktikal dan pengetahuan mengikut peringkat atau tahap yang telah ditetapkan. Peperiksaan ini akan dinilai oleh pemeriksa luar yang mempunyai pengalaman dan kemahiran yang tinggi terhadap peperiksaan tersebut. Perkara yang dinilai adalah seperti teknik permainan, persembahan, pengetahuan dan kefahaman terhadap alat muzik terbabit.

#### **1.8.4 Idiosinkratik**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, idiosinkratik bermaksud seseorang yang mempunyai cara pemikiran dan kelakuan yang aneh. Dalam Kamus English Oxford pula menyatakan idiosinkrasi adalah kelakuan atau cara pemikiran khusus kepada individu. Oleh itu, dalam kajian ini idiosinkratik bermaksud gaya permainan yang khusus atau tersendiri dengan memainkan bunga-bunga lagu penuh bagi permainan keromong atau gambang.

#### **1.8.5 Fission melody**

Menurut English Oxford, *fission* bermaksud tindakan membahagikan kepada dua atau lebih bahagian. Oleh itu, dalam kajian ini, *fission melody* adalah nilai not yang dibahagikan kepada tiga nilai not yang lebih kecil. Contohnya, not krochet dibahagikan kepada satu not kuaver dan dua not semikuaver.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 1.9 Penutup

Perbincangan dalam bab ini telah menjelaskan tentang latar belakang kajian yang memberi penekanan terhadap Gamelan Melayu, permasalahan kajian, objektif yang ingin dicapai, soalan kajian yang ingin dijawab, kepentingan kajian yang dijalankan dan batasan kajian.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.0 Pendahuluan

Tujuan kajian yang dijalankan ini adalah untuk membangunkan sukanan pelajaran Gamelan Melayu berdasarkan kerangka sistem peperiksaan muzik bergred antarabangsa. Menurut Lim Chong Hin (2007), tinjauan literatur adalah suatu laporan penilaian mengenai maklumat terpilih yang terdapat dalam kepustakaan berkenaan topik atau fokus soalan kajian peyelidik. Salah satu aspek yang dilihat dalam tinjauan literatur adalah kajian-kajian lampau yang berkaitan dengan topik kajian. Namun demikian, didapati bahawa kajian lepas yang berkaitan dengan peperiksaan muzik bergred adalah amat sedikit. Hanya beberapa pengkaji di Malaysia yang menjalankan